

29/10/1997

Berjimat tapi perayaan tetap meriah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah berjimat cermat sebagai salah satu jalan menghadapi cabaran ekonomi negara tidak menjejaskan rakyat untuk menyambut perayaan dengan meriah.

Sambil mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu, Perdana Menteri gembira kerana rakyat masih dapat menyambut hari perayaan keagamaan mereka dengan sempurna walaupun negara menghadapi kerumitan ekonomi akibat kejatuhan nilai ringgit.

"Kuih-muih dan minuman masih dihidang secukupnya untuk saudara-mara, sahabat-handai dan tetamu yang mengunjungi rumah kita," katanya dalam perutusan sempena perayaan Deepavali yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Dr Mahathir percaya rakyat beragama Hindu akan merayakan Deepavali yang akan disambut Khamis ini dengan meriahnya seperti masa-masa lalu.

"Inilah kelebihan rakyat kita. Kita mampu menghadapi sebarang cabaran dengan penuh tanggungjawab dan disiplin," katanya.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada semua rakyat beragama Hindu.

Perdana Menteri berkata, rakyat sentiasa menghargai dan menyokong usaha kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada mereka dan negara.

Menurutnya, sebarang masalah yang timbul akan dihadapi bersama oleh rakyat yang percaya keutuhan dan kekuatan bangsa bergantung bulat kepada perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

"Sikap toleransi dan faham-memahami antara satu kaum dengan kaum yang lain sudah membawa bangsa kita sentiasa bersatu-padu dan negara kita aman, stabil dan makmur," katanya. - Bernama

(END)